

## **PENDORONG MINAT BELAJAR KANAK-KANAK ORANG ASLI**

**Norhasima Abdullah**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

**Aimi Khairunnisa Abdul Karim**

Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Melaka

**Atini Alias**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

**Siti Haziqah Shaban**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

**Suzyliana Mamat**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

*Corresponding Author's Email:* norhasima@kuim.edu.my

### **Article history:**

*Received* : 18 June 2021

*Accepted* : 13 August 2021

*Published* : 10 September 2021

## **ABSTRAK**

Kajian ini dilaksanakan bagi melihat perbezaan yang mendorong minat belajar dalam kalangan murid orang asli. Objektif kajian ini adalah untuk melihat perbezaan faktor yang mendorong minat belajar berdasarkan jantina pelajar. Reka bentuk kajian adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik dan data dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS). Di samping itu, responden kajian ini terdiri daripada anak orang asli di Kampung Bukit Payung, Alor Gajah Melaka. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam faktor yang mendorong minat belajar di kalangan anak-anak orang asli dari aspek faktor keluarga berdasarkan jantina iaitu dengan nilai t adalah 2.126. Begitu juga daripada aspek faktor kendiri iaitu nilai t adalah 1.754. Rumusnya, faktor pendorong minat belajar anak-anak orang asli tidak dipengaruhi oleh perbezaan jantina. Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat diperluaskan skop kajiannya oleh pengkaji yang lain dalam meningkatkan kesedaran kepentingan pendidikan kepada anak orang asli.

**Kata Kunci:** Minat Belajar, Orang Asli, Keluarga, Kendiri.

## ***INTEREST OF LEARNING INDIGENOUS CHILDREN***

### ***ABSTRACT***

*This study was conducted to perceive the differences that drive interest in learning among indigenous students. The objective of this study was to look at various factors that drive interest in learning based on the students' gender. This study provided specific guidance for the design and implementation of survey research using a questionnaire as the instrument. Statistical Package for Social Sciences (SPSS) was used for data analysis. Additionally, the respondents were indigenous children from Kampung Bukit Payung, Alor Gajah, Melaka. This study showed no significant differences in the factors that drive interest in learning among the indigenous children from the aspect of family factor based on gender with a t value of 2.126. Similarly, from the aspect of self-factor, the t value is 1.754. In conclusion, the factors that drive interest in learning among indigenous children are not influenced by gender differences. Hence, this study is expected to expand the scope of its research in increasing awareness of the importance of education among indigenous children.*

***Keywords:*** Interest In Learning, Indigenous People, Family, Self

### **PENGENALAN**

Orang asli merupakan masyarakat peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Mereka mengamalkan gaya hidup tersendiri berasaskan persekitaran penempatan yang tertumpu di kawasan luar bandar dan pendalaman. Pendidikan adalah elemen penting dalam proses transformasi masyarakat seperti yang berlaku dalam masyarakat orang asli. Kejayaan mereka dalam menyertai program pembangunan dan masyarakat arus perdana sebahagian besarnya bergantung kepada tahap pendidikan yang dimiliki. Kegagalan untuk memajukan diri dalam bidang pendidikan boleh menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik (Mohd Muizzuddin et.al, 2018). Berdasarkan kajian yang pernah dijalankan oleh Hasan Mat Nor (1997) antara faktor yang menyebabkan sambutan dingin dengan pendidikan formal adalah berkenaan berpunca daripada persekitaran setempat. Ibu bapa juga tidak berupaya memberi dorongan yang sepatutnya kepada anak-anak untuk belajar. Begitu juga keadaan sistem persekolahan yang lemah telah mencetuskan kesan negatif kepada sikap pelajar dan ibu bapa terhadap pelajaran (Hasan Mat Nor, 2009).

Aspek kesedaran dalam keluarga dapat dilihat dalam kajian Wan Afizi Wan Hanafi et.al. (2014) yang menunjukkan hasil kajian prestasi pendidikan pelajar orang asli di kawasan kajian berada di peringkat yang sangat rendah, walaupun pelbagai pembangunan infrastruktur dan pelbagai program pendidikan telah dilaksanakan untuk mereka. Faktor yang dikenalpasti mempengaruhi prestasi pencapaian pendidikan anak-anak orang Asli ialah sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak, pelajar kurang motivasi,

halangan oleh persekitaran fizikal dan budaya yang tidak menerima kemajuan serta cabaran guru. Bagi meningkatkan prestasi pendidikan generasi muda orang asli maka perlulah penyusunan semula program pendidikan untuk orang asli oleh semua pihak yang berwajib.

Dalam konteks psikologi iaitu kesedaran kendiri perlu juga diberi penekanan dari segi pendidikan bagi meningkatkan minat belajar anak-anak orang asli seperti kajian Hj. Mohd Razak Mohd Nordin dan Masitah Ahmad (2015) yang dilaksanakan untuk melihat dan menilai sejauh mana pendekatan didik hibur dapat menarik minat murid orang asli terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pendekatan didik hibur mengandungi beberapa aktiviti seperti nyanyian, aktiviti bercerita, lakonan dan puisi. Hasil kajian mendapati pendekatan didik hibur ini telah dapat menaikkan semangat, minat dan penyertaan murid secara menyeluruh. Disamping mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan kondusif. Masyarakat orang asli sememangnya terkenal dengan satu kelompok masyarakat yang mendiami kawasan luar bandar. Mereka hidup dalam keadaan yang serba ringkas dan mudah. Corak kehidupan sebegini ternyata banyak mempengaruhi gaya pembelajaran murid-murid orang asli. Secara puratanya murid-murid orang asli mempunyai pencapaian yang lemah dalam akademik. Mereka juga tidak mempunyai minat yang tinggi. Begitu juga dengan sikap terhadap pelajaran. Kebanyakannya murid orang asli begitu pasif dan pemalu.

Faktor psikologi orang asli juga sangat penting diberi penekanan yang boleh mempengaruhi minat belajar dalam golongan ini terutamanya dari segi faktor kesedaran kendiri dan kesedaran dalam keluarga yang banyak memainkan peranan dalam membentuk identiti diri dan pengertian kehidupan mereka. Pengertian hidup adalah berkaitan dengan perkembangan individu yang juga berkait rapat dengan proses-proses lain seperti perkembangan identiti, hubungan sosial dan matlamat (Nurul Huda Zainal Abidin et.al., 2016). Selain itu, pembangunan diri individu dapat memberi impak kepada komuniti. Justeru itu dalam konteks pembangunan negara, keciciran dalam pendidikan bagi masyarakat orang asli menjadikan satu kerugian kepada negara kerana kegagalan membentuk diri mereka untuk menjadi tenaga masyarakat yang berguna dan bernilai yang berupaya menyumbang kepada usaha membangunkan masyarakat maju dan berkebolehan.

Selain itu, dalam kajian Hassan, Shaharudin dan Aziz (2001) dan Khan (1987) menunjukkan anak-anak orang asli tidak berminat untuk hadir ke sekolah disebabkan kesukaran memahami pembelajaran, kurang berminat terhadap kerja sekolah dan faktor kegagalan dalam sesuatu mata pelajaran. Keadaan ini perlu dipandang serius bagi membantu golongan ini, supaya tanggapan mereka terhadap pembelajaran bukan menjadi satu bebanan dalam kehidupan anak-anak orang asli tetapi sebagai pendorong kejayaan di masa hadapan serta mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih sempurna dan baik.

Terdapat juga perkembangan yang positif ditunjukkan dari segi kesedaran diri sendiri dan kesedaran dalam keluarga dalam kalangan orang asli iaitu berdasarkan kajian Mohd Muizzuddin Mohd Nor et.al. (2018) yang menunjukkan kesemua informan yang ditemui melibatkan pelajar dan ibu bapa atau pengaga

mempunyai perubahan pandangan ke arah yang lebih positif. Mereka semakin mengutamakan pendidikan di sekolah serta pemilihan kerjaya yang lebih baik. Keadaan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya ialah keluarga, jarak sekolah yang berhampiran, kemudahan pengangkutan, peranan guru, rakan sebaya dan faktor kemudahan pembelajaran di sekolah. Kajian ini berjaya mengikis pandangan negatif yang melihat mentaliti orang asli masih di takuk lama kerana tidak mengutamakan pendidikan serta kerjaya sebagai medium untuk memajukan diri dan keluarga. Malah, pelajar orang asli suku kaum Jakun di kawasan kajian juga dapat menyesuaikan diri dalam proses sosialisasi formal, iaitu, melalui proses pembelajaran di sekolah.

Manakala kajian oleh Nur Hafizah A.Wahab & Abdullah Mat Rashid (2019) menunjukkan faktor terarah kendiri mempunyai hubungan signifikan yang positif terhadap keinginan untuk mempelajari kemahiran vokasional. Manakala faktor matlamat kehidupan menunjukkan hubungan yang sederhana dan faktor pencapaian akademik mempunyai hubungan yang negatif dan sangat rendah terhadap keinginan murid orang asli untuk mempelajari kemahiran vokasional. Keadaan ini menunjukkan telah berlaku perubahan kendiri dalam kalangan anak-anak orang asli yang mempunyai kesedaran terhadap minat dalam pembelajaran. Oleh itu, kesedaran diri sendiri dan kesedaran dalam keluarga sangat penting diberi tumpuan agar anak-anak orang asli tidak mengalami masalah dalam proses pembelajaran. Selain daripada itu, sangat penting ditekankan dari aspek psikologi mereka agar minat belajar mereka dapat dipupuk melalui kesedaran diri sendiri dan kesedaran dalam keluarga.

Melalui sudut masyarakat kesedaran ibu bapa dan sikap anak-anak orang asli menjadi halangan dalam meningkatkan pencapaian akademik. Manakala sikap malas yang wujud dalam diri pelajar orang asli juga disebabkan pelbagai faktor seperti perselisihan dengan rakan dan guru. Tetapi perubahan menyaksikan orang asli suku kaum Semelai telah memberikan dapatan kajian mengenai persepsi ibu bapa terhadap pendidikan yang menunjukkan mereka mempunyai persepsi positif terhadap pendidikan termasuk dengan memberi dorongan, nasihat, bimbingan dan galakan terhadap minat belajar dalam diri anak-anak mereka (Ramlee Abdullah, 2012).

Secara umumnya, kajian lepas menyatakan bahawa masyarakat orang asli kurang memberi penekanan terhadap pendidikan anak-anak kerana menganggap sekolah adalah tempat untuk bermain dan juga makan. Tetapi apabila mereka melihat masyarakat luar menunjukkan minat terhadap pendidikan anak-anak mereka, maka mereka mula menjadi lebih sedar tentang perlunya pendidikan (Mohamad Johdi et.al., 2009). Tidak dinafikan bahawa terdapat di antara masyarakat orang asli yang sudah berjaya dan menjawat jawatan yang bagus dalam sektor kerajaan (Er et al., 2010). Namun begitu, secara realitinya anak-anak orang asli ini masih ramai yang ketinggalan dalam arus pendidikan negara.

Oleh itu sangat penting dilihat dari sudut psikologi yang boleh meningkatkan kesedaran diri dan kesedaran dalam keluarga tentang kepentingan minat belajar untuk perubahan kehidupan mereka. Kesejahteraan psikologi adalah berdasarkan pengalaman individu yang merupakan penilaian individu sama ada dalam bentuk kepuasan hidup (penilaian kognitif) atau afek (reaksi emosi)

(Asmawati Desa et.al., 2009). Bagi memberi kesedaran dalam diri orang asli, pengalaman adalah sangat penting agar mereka dapat berfikir dan merasai cara didikan dan bimbingan yang sebenar agar minat dalam diri mereka dapat dicungkil serta potensi diri mereka dapat diserlahkan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Malaysia telah menunjukkan kemajuan yang membanggakan dalam pelbagai aspek pendidikan sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Semenjak itu, banyak kemajuan yang telah dicapai dalam pencapaian akademik untuk peningkatan pencapaian tahap pendidikan, dan peningkatan prestasi pencapaian pendidikan. Walau bagaimanapun, sehingga kini, masih terdapat jurang yang nyata dalam pencapaian akademik antara pelajar Bumiputera termasuk orang asli dan bukan Bumiputera (BPPDP, 2001). Kajian-kajian yang lepas menunjukkan pelbagai isu dan masalah berkaitan pendidikan orang asli masih berterusan sehingga ke hari ini.

Walaupun terdapat pelajar yang kurang berminat dalam aspek pembelajaran, namun di sini perlu dorongan daripada keluarga untuk memupuk minat dalam belajar. Keluarga perlu memupuk secara perlahan-lahan mengikut kesesuaian masa dan juga pelajar itu sendiri. Berdasarkan kajian Zainah et.al., (2003) dan Mohamad Johdi et.al., (2009) gaya keibubapaan orang asli yang permisif menyebabkan anak membesar menjadi tidak matang, tidak dapat mengawal diri, toleransi yang rendah terhadap kemarahan, terlalu mendesak, bergantung kepada orang dewasa, rendah kegigihan apabila disuruh melakukan sesuatu yang mereka tidak ingin atau tidak mahu. Selain itu anak-anak juga akan membesar dengan salah laku dan lalai serta kurang minat untuk bergaul dengan orang lain tidak terkecuali pergaulan di dalam bilik darjah di sekolah.

Guru juga perlu mengembangkan proses minat belajar melalui proses pengajaran yang dilakukan. Melalui proses perkembangan, umur 16 tahun pelajar lebih suka bermain dan bergurau dan pada ketika inilah guru harus peka terhadap pelajar bagi memastikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar. Noorazman & Leong Kwan Eu (2014), minat belajar perlu ditanamkan dalam diri pelajar itu sendiri. Keseronokan semasa belajar akan meningkatkan minat dan ia boleh dipertingkatkan lagi dengan penyertaan dan dorongan ibubapa, guru dan rakan-rakan di dalam proses pembelajaran.

Begitu juga dengan keinginan diri sendiri anak-anak orang asli yang merasakan kehidupan mereka tidak perlu terikat dengan aspek pendidikan dan hal ini memberi kesan kepada minat membaca individu tersebut. Persekutaran sekolah atau tempat belajar yang tidak bersesuaian dengan budaya anak-anak orang asli juga memberi kesan kepada faktor minat membaca terhadap pelajar. Suasana Persekolahan sedemikian mendorong anak-anak orang asli jadi malas ke sekolah. Nazariyah (2014) mendapati cabaran utama guru-guru ialah bagaimana langkah yang efektif bagi menyemai minat belajar dalam jiwa murid orang asli yang sukar dilaksanakan kerana sikap mereka. Sikap murid-murid orang asli yang sambil lewa, enggan hadir ke sekolah, tidak mahu bergaul dengan rakan

sekelas dari kaum lain menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terjejas.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji perbezaan faktor-faktor yang mendorong mereka untuk menjadikan pendidikan sebagai satu cara untuk menaik taraf kehidupan mereka.

- i. Mengkaji perbezaan faktor yang mendorong minat belajar dalam kalangan anak-anak orang asli dari aspek faktor keluarga berdasarkan jantina
- ii. Mengkaji perbezaan faktor yang mendorong minat belajar dalam kalangan anak-anak orang asli dalam aspek faktor kendiri berdasarkan jantina.

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian adalah kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik bertujuan melihat faktor pendorong minat belajar dikalangan anak-anak orang asli. Teknik pensampelan yang dilakukan ialah dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan yang mana keseluruhan populasi yang terlibat mempunyai peluang yang sama sebagai responden. Sampel kajian terdiri daripada anak-anak orang asli di Kampung Bukit Payung, Alor Gajah Melaka. Sampel yang terlibat dalam kajian ini seramai 15 orang. Pengumpulan data adalah menggunakan aplikasi perisian komputer iaitu *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* untuk menganalisis data statistik. Hasil analisis data adalah dalam bentuk deskriptif dan inferensi. Set soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A faktor demografi responden iaitu jantina, umur serta agama dan bahagian B mengandungi 20 item soalan yang berkaitan aspek yang dikaji iaitu untuk setiap item faktor-faktor yang mendorong minat belajar anak-anak orang asli di Kampung Bukit Payung, Alor Gajah Melaka daripada faktor keluarga, diri sendiri, rakan sebaya dan sekolah.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Keputusan Deskriptif

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Demografi Jantina

Jantina	N	Peratus (%)
Lelaki	7	46.7
Perempuan	8	53.3
Jumlah	15	100

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Berdasarkan analisis yang dilakukan, secara majoritinya adalah responden perempuan iaitu seramai 8 orang atau 53.3% manakala responden lelaki yang terlibat ialah 7 orang atau 46.7%.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Demografi Umur

Jenis Institusi	N	Peratus (%)
10 Tahun	1	6.7
11 Tahun	3	20.0
12 Tahun	11	73.3
Jumlah	15	100

Jadual 2 menunjukkan taburan responden berdasarkan jenis umur. Dapatan menunjukkan seramai 1 orang berumur 10 Tahun atau 6.7%, manakala seramai 3 orang berumur 11 Tahun atau 20.0% dan seramai 11 orang berumur 12 Tahun atau 73.3%.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Demografi Agama

Peringkat Pengajian	N	Peratus (%)
Islam	3	20.0
Kristian	2	13.3
Lain-Lain	10	66.7
Jumlah	15	100

Jadual 3 menunjukkan taburan responden berdasarkan jenis agama anak-anak orang asli. Dapatan menunjukkan seramai 3 orang atau 20.0% adalah dalam kalangan mereka yang beragama Islam, 2 pelajar atau 13.3% bagi yang beragama Kristian. Seterusnya seramai 10 orang atau 66.7% adalah beragama selain daripada agama Islam dan Kristian.

### Keputusan Inferensi

Jadual 4: Keputusan Ujian *t* bagi Faktor Keluarga Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	<i>t</i>	dk	k
Lelaki	7	4.37	0.40708	2.126	13	.053
Perempuan	8	4.77	0.32842			
k>.05						

Jadual 4 menunjukkan nilai min bagi lelaki adalah 4.37 manakala min perempuan adalah 4.77. Ini menunjukkan nilai min bagi pelajar lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Seterusnya, nilai *t* adalah 2.126 dan nilai kebarangkalian adalah .053. Nilai kebarangkalian didapati lebih besar daripada aras keyakinan ( $k>.05$ ). Hasil analisis menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor keluarga berdasarkan jantina [ $t (13) =2.126, k>.05$ ]. Oleh itu, hipotesis ini ditolak.

Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam faktor yang mendorong minat belajar dalam kalangan anak-anak orang asli dari

aspek faktor keluarga mengikut jantina [ $t (13)=2.126$ ,  $k>.05$ ]. Hal ini kemungkinan kerana keluarga tidak melihat kepada perbezaan jantina dalam isu pendidikan mahupun pekerjaan. Kebanyakan daripada mereka lebih menggalakkan anak-anak mereka tidak kira anak lelaki ataupun anak perempuan untuk bekerja berbanding dengan belajar di sekolah. Dapatkan ini menguatkan lagi dengan kajian Abdul Razaq dan Zalizan Mohd Jelas (2009) mendapati bahawa kebanyakan ibu bapa lebih memfokuskan kepada pekerjaan berbanding pendidikan. Menurutnya lagi, mereka menekankan pekerjaan untuk menampung keperluan hidup mereka.

Kajian Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid dan Narimah Samat (2018) juga menunjukkan bahawa faktor ibu bapa yang pendidikan rendah juga mempengaruhi minat belajar anak-anak. Ini menunjukkan bahawa keluarga tidak melihat kepada perbezaan jantina anak-anak dalam isu pendidikan. Bagi mereka, tidak kira anak lelaki mahupun perempuan, anak-anak ditekankan kepada mencari wang untuk menampung keperluan hidup mereka berbanding pendidikan.

**Jadual 5: Keputusan Ujian  $t$  bagi Faktor Kendiri Berdasarkan Jantina**

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	$t$	dk	k
Lelaki	7	4.40	.54160	1.754	13	.140
Perempuan	8	4.77	.37702			
				$k>.05$		

Jadual 5 menunjukkan nilai min bagi lelaki adalah 4.40 manakala min perempuan adalah 4.77. Ini menunjukkan nilai min bagi pelajar lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Seterusnya, nilai  $t$  adalah 1.754 dan nilai kebarangkalian adalah .140. Nilai kebarangkalian didapati lebih besar daripada aras keyakinan ( $k>.05$ ). Hasil analisis menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor diri sendiri berdasarkan jantina [ $t (13)=1.754$ ,  $k>.05$ ]. Oleh itu, hipotesis ini ditolak.

Hipotesis kedua menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam faktor yang mendorong minat belajar dalam kalangan anak-anak orang asli dari aspek faktor kendiri berdasarkan jantina [ $t (13) =1.754$ ,  $k>.05$ ]. Ini menunjukkan bahawa jantina tidak mempengaruhi faktor minat belajar orang asli. Kedua-dua jantina mungkin mempunyai sikap dan pemikiran yang sama memandangkan mereka berada dalam kelompok yang sama. Menurut Abdul Razaq dan Zalizan Mohd Jelas (2009), sikap dan personaliti anak-anak orang asli itu sendiri menyumbang kepada minat belajar mereka. Maka, minat belajar anak-anak orang asli tidak dipengaruhi oleh perbezaan jantina. Kedua-duanya mempunyai sikap dan personaliti yang hampir sama.

Kemungkinan faktor kendiri dalam minat belajar juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain, contohnya faktor rakan sebaya, faktor tempat tinggal dan

faktor kewangan. Faktor persepsi pendidik dan rakan-rakan luar juga dikaitkan dengan minat belajar mereka (Mohd Muizzuddin Mohd Nor et.al., 2018). Oleh itu, perbezaan jantina tidak berkait dengan minat belajar dalam kalangan anak-anak orang asli.

## KESIMPULAN

Jika dilihat kepada dapatan kajian ini, faktor kendiri dan keluarga tidak memberikan kesan terhadap minat membaca dalam kalangan pelajar orang asli mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain yang menyumbang kepada faktor minat membaca dalam kelompok komuniti ini. Walaubagaimanapun, kajian terhadap orang asli ini dilihat semakin meluas dan memberi impak positif terhadap pendidikan dalam kalangan orang asli. Dari sudut psikologi, dorongan motivasi mampu meningkatkan semangat pelajar untuk menuntut ilmu di peringkat sekolah sehingga ke menara gading. Pihak ibu bapa, guru, dan kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam membantu anak-anak orang asli yang berdaya saing di persada antarabangsa. Oleh itu, melalui kajian ini diharapkan dapat memberi cadangan kepada pengkaji akan datang diharapkan dapat melibatkan sampel kajian yang lebih ramai dan melibatkan lebih banyak perkampungan orang asli pada skop yang lebih luas. Antaranya adalah melihat kepada faktor-faktor minat belajar dalam kalangan orang asli dan faktor yang paling mempengaruhi minat belajar orang asli. Ini kerana, masih ada lagi orang asli yang tidak mementingkan pendidikan. Justeru, sekiranya semua pihak bekerjasama dalam pendidikan, maka bilangan keciciran pendidikan dapat dibendung.

## RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (2009) *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Bangi: Penerbit UKM. Hlm 47-58. ISBN 978-967-5048-72-2.
- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas. (2009). *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Bangi: Penerbit UKM.
- Asmawati Desa, Asmah Ahmad & Zaini Sharkawi (2009). Kesejahteraan Psikologikal Orang Asli di Pertak dan Gerachi Jaya. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 19-25.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan-BPPDP (2001). Memperkasa Pencapaian Akademik Pelajar Melayu. Kertas Kerja yang tidak diterbitkan.
- Er Ah Choy, Zalina Ariffin, & Joy Jacqueline Pereira. (2010). Sosioekonomi masyarakat Orang asli: Kajian kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor. *Jurnal Melayu*, (5), 295-314.
- Hasan Mat Nor. 1997. *Kajian keciciran pelajar sekolah rendah Orang Asli*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Antropologi dan Sosiologi.

- Hassan M.N., Shaharudin, I. & Sarah Aziz, A.G.A. eds., (2001). Manusia, Alam Sekitar dan Pembangunan: Bicara Pengalaman Komuniti Orang Asli, Selangor.
- Hasan Mat Nor (2009). *Cabaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia. Dalam Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (Pnyt), Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya* (pp. 217-228). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hj. Mohd Razak Mohd Nordin, Ed.D dan Masitah Ahmad (2015). Pendekatan Didik Hibur Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Sikap Dan Minat Murid Orang asli Di Negeri Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 9, 2015
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/1818-pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. Transformasi Pendidikan Orang asli dan Pribumi (Panduan Sekolah) <https://www.moe.gov.my/penerbitan/1592-10012019-buku-transformasi-57-terbaru/file>
- Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi, Mohd Nasaruddin Mohd Nor.(2018). Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang asli suku kaum Jakun diRompin, Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space* .14 (1): 72-86. <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/21271/7417>
- Noorazman Abu & Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* - Januari 2014, Bil. 2 Isu 1.
- Norwaliza Abdul Wahab, Ramlee Mustapha & Jasmi Abu Talib. 2016. Membangun modal insan Orang asli: Kajian peranan dan penentuan matlamat pendidikan dalam kalangan ibu bapa masyarakat Orang asli di Kuantan, Pahang. *GEOGRAFIA Onlinetm Malaysian Journal Of Society And Space*. Vol 12 (3), 1-10. [http://journalarticle.ukm.my/9890/1/1x.geograafia-si-mac16-norwalizadam\\_%282%29.pdf](http://journalarticle.ukm.my/9890/1/1x.geograafia-si-mac16-norwalizadam_%282%29.pdf)
- Nazariyah (2014) *Pelaksanaan program literasi & numerasi (LINUS) : satu analisis / Nazariyah bt Sani*. PhD thesis, University of Malaya.
- Nurul Huda Zainal Abidin, Farrah Wahida Mustafar dan Faudziah Yusof (2016). Sokongan Sosial dan Pengertian Hidup Orang asli Kampung Sungai Lui, Jempol, Negeri Sembilan. *The journal of Management and Sciences Volume 1, Issue 2*.
- Nur Hafizah A.Wahab & Abdullah Mat Rashid (2019) Hubungan Antara Matlamat Kehidupan, Terarah Kendiri Dan Pencapaian Akademik Terhadap Keinginan Mempelajari Kemahiran Vokasional Dalam Kalangan Murid Orang asli. *E-Jurnal On Integration Of Knowledge* 2019.
- Ramlee Mustapa. 2012. *Orang asli Pembangunan dan Transformasi*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin: Kuala Terengganu.

- Mohamad Johdi Salleh, & Abdul Razak Ahmad. (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat orang asli. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosmizawati Saad (2003) Pencapaian akademik komuniti Jakun di rancangan Penempatan semula,Mukim Bekok, Segamat, Johor. (Tesis Sarjana). PPSPP, FSSK, UKM, Bangi (Tidak diterbitkan).
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat (2018). Kemiskinan Keluarga dan Pengaruhnya Terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes Di Jajahan Bachok, Kelantan. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 13(2): 011-023
- Wan Afizi Wan Hanafi, Shaharuddin Ahmad, Noraziah Ali (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak orang asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space* 10 issue 5 (107 - 122)© 2014, ISSN 2180-2491.
- Zainah Ahmad Zamani, Li Yee Wah & Arfah Sulaiman. (2003). Gaya didikan anak keluarga Melayu dan Cina: Satu perbandingan. *Prosiding Seminar Kekeluargaan Kebangsaan*. 103-112.